

## Sukarelawan UMP dan IKWAM serah sumbangan kepada mangsa Banjir



Kuantan 24 Januari - Seramai 50 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk dari Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Institut Kemajuan Wanita Malaysia (IKWAM) menyerahkan sumbangan bantuan banjir berbentuk 500 set tilam, bantal dan selimut di kalangan mangsa banjir sekitar Lepar, Permatang Badak dan Bukit Rangin.

Majlis penyerahan telah disampaikan oleh Pengerusi IKWAM, Dato' Sri Dr. Siti Zaharah Sulaiman dalam program Titian kasih Fasa Pertama yang diadakan di Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP), Permatang Badak Kuantan baru-baru ini.

Menurut beliau, IKWAM menyasarkan penghantaran bantuan ke kawasan di bawah kategori yang berisiko tinggi di samping memberikan informasi mengenai kesihatan dan keselamatan serta informasi pencegahan awal yang perlu diambil apabila tanda-tanda banjir akan melanda.

"Aktiviti IKWAM tidak semestinya memfokuskan terhadap kaum wanita tetapi kepada masyarakat umum Malaysia. Begitu juga dengan pengendalian selepas banjir, bagaimana mengurus psikologi dan trauma yang dihadapi mangsa banjir melalui aktiviti yang dilaksanakan pihak sukarelawan," katanya.

Malahan di atas kesedaran ini, Dato' Sri Dr. Siti Zaharah berkata, IKWAM memperkenalkan Program Integrasi Jaringan Pemudah Cara (INJAP) untuk membantu keluarga-keluarga isi rumah.



Pihaknya juga berhasrat untuk bekerjasama dengan UMP dalam mengenalpasti kategori ke atas data-data mangsa, lokasi, keadaan rumah sama ada mengalami kemusnahan secara keseluruhan serta mengkaji tindakan susulan dan pemantauan selepas bantuan diberikan.

Katanya, melalui program INJAP ini diharapkan mampu menjana kegiatan yang pro-aktif dan positif agar bantuan yang disalurkan kepada kumpulan sasar mangsa-mangsa banjir membolehkan mereka bangkit semula meneruskan kehidupan.

Beliau turut memuji sukarelawan UMP yang banyak membantu dalam usaha membantu menghulurkan sumbangan agar segala bantuan sampai kepada golongan sasar.

Bagi penerima sumbangan, Kelesum Che Ali, 57 berkata, beliau menghargai pemberian kelengkapan ini dan lain-lain sumbangan yang diterima bagi meringankan bebanan mereka. Beliau merupakan salah seorang daripada 500 penerima yang hadir menerima sumbangan pada kali ini.



**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 29-01-2015, 17:03:59